

Kes Tun, Zahid tiada penyelesaian

Tarikh bicara saman fitnah kekal 6 November, 11 September

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tiada sebarang perkembangan setakat ini mengenai proses mediasi (penyelesaian luar mahkamah) dalam dua kes saman fitnah membatikan Tun Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Kes saman fitnah dikemuka-

kan Ahmad Zahid terhadap Dr Mahathir berhubung dakwaan menggunakan kedudukannya bagi mempengaruhi bekas Perdana Menteri itu untuk campur tangan dalam urusan perbicaraan kes jenayahnya.

Kes saman fitnah difailkan Dr Mahathir pula mengenai dakwaan bekas Perdana Menteri itu bahawa Ahmad Zahid yang dinamakan sebagai defendan, mempersoalkan asal usulnya.

Peguam Dr Mahathir, Mior Nor Haidir Suhaimi, ketika dihubungi media berkata, berikutan itu Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Rozana Ali Yusoff, mengekalkan tarikh perbicaraan yang ditetapkan sebelumnya, iaitu masing-masing pada 6 November dan 11 September ini.

“Jika terdapat sebarang per-

kembangan mengenai penyelesaian, kedua-dua pihak diarah untuk memaklumkan kepada mahkamah sebelum tarikh perbicaraan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas pengurusan kes saman fitnah terbabit yang dijalankan melalui aplikasi Zoom, semalam yang turut disertai Peguam, Mohamad Sharul Fazli Kamarulzaman dan Intan Hanis Afiqah Razali.

Fail saman fitnah

Ahmad Zahid, 69, memfailkan saman fitnah terhadap Dr Mahathir, 96, pada 20 April tahun lalu dan melalui pernyataan tuntutan, berkata Dr Mahathir memfitnahnya pada Majlis Pelancaran Aspirasi Parti Pejuang (PEJUANG) sempena Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor Ke-15 di

Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya pada 23 Februari 2022.

Ahmad Zahid berkata, Dr Mahathir memfitnahnya bahawa beliau pernah hadir di rumahnya bersama beberapa individu lain bagi mendapatkan bantuan untuk menyelesaikan kes mahkamah yang dihadapinya.

Ahli Parlimen Bagan Datuk itu mendakwa kenyataan fitnah itu antaranya membawa maksud bahawa beliau seorang yang menggunakan jalan pintas untuk menyelesaikan dan menangguk perbicaraan kes jenayahnya yang masih berjalan.

Ahmad Zahid berkata, ia juga bermaksud beliau menggunakan kedudukannya untuk mempengaruhi Dr Mahathir bagi mencampuri urusan perbicaraan jenayah dan mencampuri siasatan

agensi penguatkuasaan.

Dr Mahathir pada 17 Mei tahun lalu menafikan memfitnah Zahid dalam pernyataan pembelaan terhadap saman itu dan mendakwa Presiden UMNO itu menemuinya sebanyak lima kali antara tahun 2018 hingga 2020.

Dr Mahathir melalui saman difailkannya pula, berkata Ahmad Zahid mengeluarkan kenyataan palsu, berbaur fitnah dan berniat jahat dengan sengaja merujuk terus kepadanya ketika Mesyuarat UMNO Bahagian Kelana Jaya pada 30 Julai 2017.

Bekas Ahli Parlimen Langkawi itu berkata, rakaman video majlis itu yang mengandungi kenyataan palsu dan fitnah diterbitkan semula menerusi YouTube Astro AWANI berdurasi dua minit 41 saat.